

CNS2540

U GB 20-09 00207 BA075

bah

Mahathir - Mahkamah

UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIPINDA BAGI PERJELASKAN KUASA MAHKAMAH

ALOR SETAR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mungkin terpaksa meminda undang-undang bagi memperjelaskan lagi kuasa mahkamah mendengar kes-kes yang dibawa anggota parti politik untuk mengelakkan daripada membuang masa mahkamah.

Katanya, UMNO sendiri akan mendapatkan tafsiran sebenar terlebih dahulu sama ada mahkamah berkuasa atau tidak bagi mendengar kes-kes seperti itu.

"Kalau tafsirannya jelas bahawa mahkamah betul, kita terpaksa pinda undang-undang supaya ianya jelas mahkamah tidak ada kuasa dalam bidang ini," katanya pada persidangan akhbar selepas beliau mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Bahagian, Pemuda dan Wanita UMNO Kubang Pasu di kediaman rasmi Menteri Besar di Menteloon di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga ketua bahagian Kubang Pasu, berkata demikian sebagai mengulas saraan Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar supaya anggota UMNO jangan membawa kes ke mahkamah ekoran beberapa kes UMNO dibawa ke mahkamah kebelakangan ini.

Ketika ditanya adakah beliau tidak berpuas hati dengan keputusan-keputusan mahkamah terhadap beberapa kes yang dibawa oleh anggota UMNO baru-baru ini, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat, mungkin saya salah, tetapi saya berpendapat bahawa mahkamah tidak ada kuasa (dalam kes-kes itu)." -- Lagi.

▼20/09/19-01MST

U GB 20-09 00140 BD940

bah

Mahathir - Mahkamah 2 Alor Setar (Ulangan)

Bagaimanapun, ini satu perkara yang memerlukan penjelasan daripada pihak mahkamah sama ada ia mempunyai kuasa ataupun tidak, katanya.

"Apa yang saya tahu, kita telah mengecualikan sesuatu masalah parti politik daripada diputuskan oleh mahkamah, melainkan kalau seseorang meminta supaya mahkamah menguatkuasakan keputusan parti. Itu sahaja yang mahkamah boleh buat.

"Tetapi kita dapati ada mahkamah yang membuat keputusan, yang setakat yang saya tahu, mahkamah tidak mempunyai kuasa.

"Tetapi bila dia buat keputusan, kita tidak boleh ketepikan, kita terpaksa juga patuh," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, dalam Perlembagaan UMNO cukup jelas bahawa sesiapa yang membawa masalah UMNO ke mahkamah akan disingkirkan daripada UMNO melainkan kerana hak yang diberikan kepadanya mengikut perlembagaan, iaitu jika seseorang itu meminta mahkamah menguatkuasakan keputusan UMNO. -- Lagi.

▼20/09/19-40MST

bah

Mahathir - Mahkamah 3 Alor Setar

Dr Mahathir berkata, kalau diserahkan kepada mahkamah kuasa ini, dalam parti politik memang ada orang yang akan menggunakan mahkamah dengan cara yang sewenang-wenangnya dan tidak akan ada putusnya sampai bila-bila pun.

"Dalam soal orang suka tak suka ni tak boleh diputuskan oleh undang-undang. Kalau orang tak suka, dia (tetap) tak suka juga walaupun undang-undang kata dia suka, jadi payahlah sikit," katanya.

Beliau berkata, kalau tidak diperjelaskan bidang kuasa mahkamah, masa mahkamah akan dihabiskan dengan orang yang sengaja membuat masalah.

"Umpamanya dia sengaja membawa orang yang tidak ada hak untuk menghadiri mesyuarat. Dia tahu tapi dia senyap, bila dia tak menang dia bangkitkan bahawa mesyuarat itu tak sah kerana ada orang yang tak berhak hadir.

"Jadi, bila ada orang yang macam ni, kita cuma habiskan masa mahkamah dengan cara-cara yang tak baik yang dilakukan dengan sengaja," kata Perdana Menteri. -- Lagi.

▼20/09/19-41MST

CNS2613

U GB 20-09 00153 BD942

bah

Mahathir - Mahkamah 4 Alor Setar (Ulangan)

Ketika ditanya sama ada UMNO akan meminta penjelasan mahkamah berhubung dengan kes-kes injunksi yang diperolehi anggota UMNO itu, Dr Mahathir berkata:

"Ya, kita nak minta penjelasan tetapi kadang-kadang masa yang kita dapat pendek sangat. Umpamanya esok nak mesyuarat baru kita dapat, ataupun pagi ini nak mesyuarat, orang dah duduk dah nak tunggu mesyuarat, datang lawyer kata tak boleh.

"Jadi, saya fikir kalau undang-undang membenarkan ini...susahlah...tak boleh mesyuarat langsunglah. Siapa pun boleh buat macam-macam, minta sahaja injunction," katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat kes UMNO yang dibawa ke mahkamah baru-baru ini dilakukan dengan sengaja, beliau berkata beliau yakin ada juga yang sengaja dibuat.

Ditanya apa akan berlaku jika ada persidangan perwakilan bahagian yang terpaksa ditangguhkan hingga ke tarikh selepas 30 Sept ini (tarikh akhir bagi bahagian-bahagian mengadakan persidangan perwakilan), beliau berkata: "Kacaulah." -- Lagi

▼20/09/19-43MST

U GB 20-09 00168 BD943

bah

Mahathir - Mahkamah 5 (Akhir) Alor Setar (Ulangan)

"Kita tidak boleh ada mesyuaratlah...macam-macam boleh dibuat...saya takut mesyuarat agung (perhimpunan agung) UMNO pun (akan) ada orang yang tak ada hak hadir secara penipuan, selepas itu mereka kata pemilihan itu tak sah kerana ada orang yang tak ada hak hadir. Itu semua boleh dibuat."

Mengenai kedudukan bahagian-bahagian yang tidak dapat mengadakan persidangan perwakilannya sebelum 30 Sept, Presiden UMNO itu berkata, beliau perlu merujuk kepada undang-undang terlebih dahulu mengenai perkara itu.

Perdana Menteri yang tiba dengan keretapi mewah "Eastern & Oriental Express" pada kira-kira 2 petang ini, berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas petang ini.

Terdahulu, beliau melawat Pusat Maklumat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di bangunan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di sini dan diberi taklimat oleh Pengurus Besar KEDA, Encik Mohamad Yusof Mohamad Johor serta melawat pejabat Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Kedah di bangunan yang sama. -- Bernama

KHY AHH NMO